

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)**

**TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dakwaan mengenai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang gagal berfungsi untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengagihan dana serta Program Inisiatif Pembangunan Usahawan Bumiputera yang kini dilihat tidak diuruskan dengan efektif.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan mengenai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang gagal berfungsi untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengagihan dana serta Program Inisiatif Pembangunan Usahawan Bumiputera yang kini dilihat tidak diuruskan dengan efektif adalah tidak benar.

Semenjak penubuhan TERAJU pada tahun 2011 sehingga 31hb Januari 2016, TERAJU telah berjaya mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan untuk Bumiputera sebanyak RM 62.81 billion melalui 24 buah program dan inisiatif yang dijalankan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi wilayah pembangunan koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs) dan pihak-pihak swasta selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan penyertaan masyarakat Bumiputera dalam ekonomi secara lebih bermakna dan mampan.

Di antara keberhasilan program-program induk TERAJU sehingga kini adalah:

**1. DANA MUDAHCARA BUMIPUTERA**

Sebanyak RM2 bilion telah disediakan hasil kerjasama dengan pihak UKAS yang mana telah merancakkan lagi pelaburan swasta dalam ekonomi. Sebanyak 363 projek telah diluluskan di bawah Dana Mudahcara Bumiputera dengan nilai pelaburan swasta

sebanyak RM10.47 bilion dan sebanyak 323 buah syarikat Bumiputera dari seluruh negara telah menerima manfaat dari Dana Mudahcara ini. Sehingga kini, sebanyak RM1.26 bilion Dana Mudahcara Bumiputera telah diluluskan kepada syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhan.

Sebanyak RM 200 juta telah diperuntukkan kepada Negeri Sabah di bawah program ini. Sehingga 31 Januari 2016, kelulusan sebanyak RM 99.8 juta Dana Mudahcara ini telah diberikan kepada 38 buah projek yang melibatkan 36 buah syarikat Bumiputera dengan nilai pelaburan swasta sebanyak RM 805.2 juta.

## **2. PROGRAM TeraS (Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi) DAN PROGRAM DANA TeraS**

Sehingga penghujung Januari 2016, terdapat sebanyak 991 syarikat yang telah menyertai Program TERAS dan 44 syarikat daripadanya adalah dari Sabah. Dari jumlah tersebut, 86 peratus adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam sektor perkhidmatan manakala 14 peratus pula terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembuatan. Pada masa yang sama, sebanyak 364 kelulusan telah diberikan kepada 278 buah syarikat TeraS melibatkan pembiayaan Dana TeraS sebanyak RM 1.12 Billion untuk pembiayaan aset dan modal kerja untuk syarikat-syarikat TeraS. Sebanyak 10 syarikat dari Sabah telah menerima pembiayaan Dana TeraS yang berjumlah RM 9.91 juta.

### **3. PROGRAM PERUNTUKAN KHAS BUMIPUTERA CARVE-OUT & COMPETE**

Inisiatif ini telah menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam projek-projek mega yang telah dikenalpasti dengan komitmen yang berjumlah hampir RM36.05 bilion. Antara projek-projek yang telah dikenalpasti termasuk: Projek MRT Jajaran 1, Menara Warisan Merdeka, Bukit Bintang City Center, MATRADE Exhibition Center, MARA Aerospace Center, Projek Lintasan Damansara (DASH) dan lain-lain lagi. Yang terbaru, sebanyak RM11.9 billion telah di “carve-out” melalui projek MRT Jajaran 2.

### **4. SKIM JEJAK JAYA BUMIPUTERA (SJJB)**

SJJB merupakan program dalam membantu syarikat-syarikat Bumiputera untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Program ini merupakan kerjasama TERAJU dan EKUINAS dalam memberi sokongan “*the last mile*” kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Sehingga kini, 10 syarikat Bumiputera telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai modal pasaran atau *market capitalization* sebanyak RM4.99 bilion. Pada masa yang sama, 15 buah syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia telah dikenalpasti dan pihak TERAJU dan EKUINAS sedang memantau serta membantu untuk memastikan sasaran penyenaian syarikat-syarikat tersebut tercapai.

## 5. SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA (SUPERB)

Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan kepada program ini bagi tempoh 3 tahun untuk membiayai syarikat-syarikat permulaan (atau *start up companies*), yang baru memulakan perniagaan mereka. Ianya juga bertujuan untuk mengkomersilkan idea-idea perniagaan yang inovatif dan kreatif yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sehingga 31 Januari 2016, seramai 92 usahawan yang berdaya saing telah terpilih untuk menerima geran SUPERB bernilai RM46 juta secara keseluruhan bagi tahun 2014 dan 2015. Seramai 5 usahawan yang berjaya menerima bantuan geran SUPERB bernilai RM 2.5 juta ini adalah dari Sabah. Skim ini adalah hasil kerjasama dengan 10 agensi termasuk MAVCAP, MTDC, MDEC dan lain-lain.

## 6. INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

Bagi penyediaan latihan keusahawanan Bumiputera pula, TERAJU sedang melaksanakan program pembinaan kapasiti melalui INSKEN. Program-program INSKEN adalah bersifat *outcome based* dan sasaran ditetapkan melalui program yang dikenali sebagai “**INSKEN500**” iaitu, sekurang-kurang 500 buah syarikat Bumiputera akan berjaya dilonjakkan pencapaiannya ke tahap seterusnya dengan menggunakan skala SCORE bagi perusahaan kecil dan sederhana, dan M-CORE bagi perusahaan mikro. Selain itu, syarikat-syarikat ini juga akan diukur berdasarkan GET, iaitu “*growth, employment dan turnover*”. Sebanyak RM 15 Juta telah diperuntukkan kepada INSKEN untuk melaksanakan 13 buah program latihan keusahawanan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.